



## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

### PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh: 13 September 2007 Bilangan : 1/2007 Ruj. : UMS/PN2.1/P5/2 Jld 3

#### PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA DALAM BULAN RAMADHAN 1428H BAGI KAKITANGAN BERAGAMA ISLAM

##### TUJUAN

1. Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan bagi melaksanakan pindaan waktu bekerja dalam bulan Ramadhan 1428H bagi kakitangan Universiti Malaysia Sabah.

##### LATAR BELAKANG

2. Y. Bhg. Naib Canselor telah bersetuju untuk melaksanakan pindaan waktu bekerja dalam bulan Ramadhan 1428H bagi kakitangan yang beragama Islam sejajar dengan maksud untuk membolehkan kakitangan yang tinggal jauh dari kampus dan mempunyai masalah untuk sampai di rumah sebelum/pada waktu berbuka puasa tertakluk kepada syarat-syarat berikut dipatuhi; iaitu:

- a. Kakitangan berkenaan dikehendaki mengantikan kekurangan waktu bekerja 45 minit pada waktu rehat tengah hari.
- b. Rumah kakitangan berkenaan terutamanya kakitangan wanita yang beragama Islam) yang terletak melebihi 10 km dari kampus dan mempunyai masalah untuk sampai ke rumah sebelum waktu berbuka puasa; dan
- c. Kakitangan telah mendapat kebenaran Dekan/Ketua Jabatan masing-masing.

##### PELAKSANAAN

3. Pelaksanaan waktu bekerja dalam bulan Ramadhan 1428H adalah bagi meminda waktu bekerja bagi kakitangan yang beragama Islam yang sedia ada.

4. Dengan terlaksananya pekeliling ini, maka Waktu Bekerja Pejabat bagi kakitangan beragama Islam Universiti Malaysia Sabah adalah seperti **Jadual 1** berikut:

**Jadual 1 : Waktu Bekerja Pejabat bulan Ramadhan bagi Pekerja beragama Islam UMS**

Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
Isnin - Khamis	8.00pg – 1.00ptg.	1.00ptg - 1.15ptg	1.15ptg – 4.15ptg.
Jumaat	8.00pg – 12.00th	12.00 th – 1.45ptg	1.45ptg – 4.15ptg.

5. Pelaksanaan pindaan Waktu Bekerja dalam bulan Ramadhan 1428H ini hanya terpakai kepada pegawai yang bekerja mengikut Waktu Bekerja Pejabat. Bagi pegawai yang bekerja mengikut syif, Ketua Jabatan akan menimbangkan kemudahan seumpama ini dengan membuat penyesuaian waktu bekerja selaras dengan keperluan perkhidmatan masing-masing.

6. Pindaan Waktu Bekerja dalam bulan Ramadhan 1428H ini juga tidak terpakai kepada kakitangan akademik. Ini bermakna Waktu Bekerja Pegawai berkenaan adalah selaras dengan jadual waktu yang telah ditetapkan oleh Bahagian Perkhidmatan Akademik, Universiti Malaysia Sabah dan jabatan masing-masing.


**TARIKH KUAT KUASA**

7. Pekeliling Pendaftar ini berkuatkuasa mulai **13 September 2007 hingga 12 Oktober 2007**.

**“SELAMAT MENJALANI IBADAH PUASA 1428H”**

**“BERTEKAD CEMERLANG”**

Yang ikhlas,

  
[HELA LADIN MOHD. DAHALAN]

Pendaftar  
b.p. Naib Canselor

s.k.:

- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Bendahari
- Pengarah, UMS Kampus Antarabangsa Labuan.
- Pemangku Timbalan Ketua Pustakawan